



Atlet UPM pecah rekod kebangsaan olahraga IPT

Disember 16, 2022 @ 9:07pm



Atlet UPM, Queenie Ting Kung Nie bergambar bersama catatan rekod baharu yang diciptanya dalam acara lempar cakera wanita pada Kejohanan Olahraga IPT di Stadium Mini MSN, Bukit Jalil. - Foto ihsan KPT

KUALA LUMPUR: Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), Queenie Ting Kung Nie mencipta sensasi dalam acara lempar cakera wanita pada Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) apabila berjaya memecahkan rekod kebangsaan.

Queenie Ting melakukan catatan 52.77 meter (m) untuk mengungguli acara podium itu, selain turut memadam rekod kebangsaan yang dipegangnya sebelum ini iaitu 52.36m.

Tempat kedua milik atlet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Nur Atiqah Sufiah Md Hanizam (42.82m) dan Nani Sahirah Maryata dari UPM di kedudukan ketiga dengan catatan 37.49m.

Pada kejohanan yang berlangsung di Stadium Mini MSN, Bukit Jalil itu, Kamal Farhan Rahman dari UPM mengungguli acara lontar peluru kategori lelaki podium selepas melakukan catatan 14.43 m.

Tempat kedua turut menjadi milik UPM apabila Luqman Hakim Baharudin melakukan balingan 13.15m dan Ahmad Zakwan Iddin Alias dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berada di kedudukan ketiga dengan catatan 12.46m.

UPM turut mengusasi acara 110 m lari berpagar lelaki podium apabila Mohd Rizzua Haizad Muhamad dan Benedict Ian Gawok menamatkan perlumbaan di tempat pertama dan kedua dengan catatan 14.50s dan 14.78s, manakala atlet UPSI, Muhammad Ridzwan Ridal di tempat ketiga (15.05s)

Bagi acara 100 m lari berpagar wanita wanita, emas diraih atlet UPSI, Nur Atikah Azman yang melakukan catatan 15.41s sementara Juriani Mad Rodzi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ezla Joanes (Universiti Malaysia Sabah) di kedudukan kedua dan ketiga dengan catatan masa 15.71s dan 17.20s.

Dalam acara lompat jauh kategori lelaki elit, Muhammad Aniq Md Ramli dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meraih tempat pertama dengan lompatan 6.64m sementara tempat kedua dan ketiga diraih Muhammad Danial Hasif Ramli (UPSI) dan Aznur Bahrudin (UTM) selepas masing-masing melakukan catatan 6.54m dan 6.46m.

Sementara itu, acara 10000m jalan kaki lelaki diungguli atlet UPM, Muhammad Aliff Mubarak Ahmad dengan catatan 59:26.22s.

Muhammad Akmal Mazlan dari UPSI di kedudukan kedua dengan catatan 63:37.47s, manakala Jonathan Wee Soon menghadiahkan pingat gangsa kepada UTHM dengan catatan 64:25.45s.